



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) SABAH, 2025

Ekonomi Sabah meningkat 5.1 peratus pada 2025 mencecah RM88.8 bilion

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI SABAH, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Ekonomi Sabah berkembang 5.1 peratus pada tahun 2025 dengan nilai KDNK mencecah RM88.8 bilion berbanding RM84.5 bilion pada tahun sebelumnya."

Dari aspek komposisi ekonomi Sabah pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama dengan sumbangan sebanyak 52.1 peratus. Ini diikuti oleh Sektor Perlombongan & pengkuarian dan sektor Pertanian yang masing-masing menyumbang 22.0 peratus dan 13.9 peratus. Sektor Pembuatan pula menyumbang sebanyak 7.2 peratus manakala sektor Pembinaan sebanyak 4.4 peratus.

Sektor Perkhidmatan berkembang 4.5 peratus dengan merekodkan nilai ditambah berjumlah RM46.2 bilion berbanding RM44.2 bilion pada tahun 2024. Pertumbuhan positif sektor ini disokong oleh subsektor berkaitan pelancongan iaitu Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan yang meningkat 4.6 peratus. Selain itu, Perkhidmatan Kerajaan turut mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.7 peratus.

Sektor Perlombongan & pengkuarian yang merupakan penyumbang kedua terbesar ekonomi Sabah berkembang 4.9 peratus disokong oleh peningkatan subsektor Petroleum mentah & kondensat (5.0%). Pada masa sama, subsektor Gas asli turut berkembang 4.7 peratus berbanding 1.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Sektor Pertanian Sabah pula merekodkan pertumbuhan marginal 0.9 peratus berbanding penyusutan 3.2 peratus yang dicatatkan tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh subsektor Tanaman (kelapa sawit) dan Ternakan. Kelapa sawit yang menyumbang 65.6 peratus kepada sektor Pertanian Sabah telah pulih daripada kemerosotan yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, sekali gus mendorong pertumbuhan positif sektor Pertanian negeri ini.

Beralih kepada sektor Pembuatan, ia berkembang 5.0 peratus berbanding 1.2 peratus yang direkodkan tahun sebelumnya. Peningkatan dalam pengeluaran Kelapa sawit negeri Sabah turut mempengaruhi pertumbuhan sektor ini khasnya industri berkaitan pengeluaran minyak sayuran dan pemprosesan makanan. Ini diperlihatkan menerusi pertumbuhan Produk minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan yang mengukuh 6.8 peratus berbanding marginal 0.1 peratus yang direkodkan pada tahun sebelum.

Sementara itu, sektor Pembinaan Sabah bertumbuh 28.3 peratus sekali gus mengatasi paras nasional (12.2%). Pertumbuhan sektor ini dipacu oleh peningkatan dalam subsektor Kejuruteraan awam sebanyak 55.6 peratus diikuti oleh Aktiviti pertukangan khas (42.6%).


Dari aspek KDNK per kapita, Sabah mencatatkan RM31,125 berbanding RM30,575 pada tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Sabah, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SABAH GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Sabah's economy expanded by 5.1 per cent in 2025, reaching RM88.8 billion

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **SABAH GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Economy of Sabah grew by 5.1 per cent in 2025 with a value of RM88.8 billion, as compared to RM84.5 billion in the previous year."

In terms of the composition of Sabah's economy in 2025, the Services sector remained the largest contributor accounting for 52.1 per cent of total GDP. The Mining & quarrying and the Agriculture sectors followed with shares of 22.0 per cent and 13.9 per cent respectively. The Manufacturing sector made up 7.2 per cent, while the Construction sector contributed 4.4 per cent.

The Services sector expanded by 4.5 per cent, recording a value added of RM46.2 billion as compared to RM44.2 billion in 2024. The positive growth of this sector was driven by the tourism-related subsector which is Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation, which expanded by 4.6 per cent. Meanwhile, Government services also recorded a growth of 5.7 per cent.

The Mining & quarrying sector, which is the second-largest contributor to Sabah's economy, expended by 4.9 per cent supported by Crude petroleum & condensate subsector (5.0%). Within the same period, Natural gas subsector also grew 4.7 per cent as compared to 1.7 per cent in the preceding year.

Sabah's Agriculture sector recorded a marginal of 0.9 per cent as compared to contraction of 3.2 per cent in the preceding year. This growth was driven by the Crops (oil palm) and the Livestock subsectors. Oil palm, which contributed 65.6 per cent to Sabah's Agriculture sector, recovered from the contraction recorded in the previous year, thereby driving positive growth in the state's Agriculture sector.

Turning to the Manufacturing sector, it increased by 5.0 per cent as compared to 1.2 per cent recorded in the previous year. The increase in oil palm production in Sabah also affected the growth of this sector, particularly industries related to the production of vegetable oils and food processing. This is reflected in the Vegetable

and animal oils & fats and food processing products subsector, which strengthened by 6.8 per cent compared with a marginal 0.1 per cent in the previous year.

Meanwhile, Sabah's Construction sector expanded by 28.3 per cent, surpassing the national level (12.2%). This performance was driven by an increase in the Civil engineering subsectors, 55.6 per cent followed by Specialised construction activities (42.6%).


In terms of GDP per capita, Sabah recorded RM31,125 as compared to RM30,575 in the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Sabah's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**